

08/08/1997

Asean semakin padu (HL)

KUALA LUMPUR, Khamis - Asean berjaya mengatasi gambaran masa depan yang gelap pada awal penubuhannya untuk muncul sebagai satu daripada pertubuhan serantau paling padu di dunia, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam wawancara khas dengan Bernama sempena sambutan ulang tahun ke-30 (Asean) esok, Perdana Menteri berkata, walaupun mulanya menghadapi pelbagai masalah, pemimpin Asean dapat menanganinya untuk menjadikan ia sebuah pertubuhan yang berjaya termasuk dari segi kerjasama ekonomi yang tidak pernah menjadi matlamat utamanya dulu.

"Saya harus akui bahawa ketika Asean pertama kali dibentuk, saya tidak terlalu menaruh harapan yang ia akan berjaya.

"Terlalu banyak perselisihan antara pihak yang memasuki perjanjian itu... perselisihan besar.

"Tidak mungkin mereka boleh bekerjasama tetapi kini saya harus akui yang saya tersilap," katanya.

Deklarasi Bangkok untuk menubuhkan perkumpulan serantau itu ditandatangani pada 8 Ogos 1967 oleh lima anggota pengasas iaitu Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand.

Brunei Darussalam menyertai Asean pada 1984, manakala Vietnam diterima masuk pada 1995 untuk menjadikan Asean tujuh.

Ia sepatutnya menjadi Asean 10 (merangkumi semua negara Asia Tenggara) bulan lalu dengan kemasukan Kemboja, Laos dan Myanmar.

Bagaimanapun kemasukan Kemboja ditangguhkan kerana perebutan kuasa dalam negara itu.

Dalam temubual itu, Dr Mahathir bercakap mengenai harapan dan kebimbangannya terhadap rantau ini serta mengulas kemungkinan berlaku konflik di kalangan negara yang menuntut pulau terumbu karang Spratly, dasar hubungan membina Asean terhadap Myanmar, kewujudan forum Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik, pertemuan multimedia di kalangan anggota Asean dan reformasi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Perdana Menteri berkata, ketika ditubuhkan dulu Asean pada asasnya bagi membantu menyelesaikan masalah antara negara jiran berikutan wujud semacam satu ketegangan ketika itu.

Dengan itu, Asean menjadi forum untuk menyelesaikan masalah berkenaan jika tidak sepenuhnya, sekurang-kurangnya bagi mengurangkan ketegangan itu.

Negara anggota mempelajari antara satu sama lain apakah pendekatan terbaik.

Mulanya, mungkin kerana semangat kemerdekaan dan kebangsaan, negara tertentu menolak penyertaan asing dalam ekonomi mereka, tetapi apabila terbukti pelaburan asing boleh menyumbang terhadap pembangunan sesebuah negara, mereka menerimanya.

Dr Mahathir bagaimanapun kecewa kerana pencapaian Asean 10 yang sepatutnya berlaku ketika Malaysia menjadi tuan rumah sambutan ulang tahun ke-30 kerjasama itu, tertangguh berikutan pergolakan di Kemboja.

"Memang saya kecewa. Saya tidak menjangkakan ini. Saya ingatkan Myanmar akan menjadi masalah tetapi apa yang terjadi bukannya Myanmar, sebaliknya masalah dalaman Kemboja yang menyebabkannya tidak menjadi negara anggota.

"Tetapi saya masih berharap perubahan tertentu akan dilakukan supaya ia boleh menjadi sebahagian daripada Asean," katanya yang percaya penyelesaian segera di negara itu bukan sesuatu yang mustahil.

Beliau turut menolak anggapan kononnya Asean tidak terdaya membuat

sesuatu dalam menghadapi masalah Kemboja.
(END)